



**JABATAN DAERAH TUTONG**  
**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

BILANGAN TAWARAN	TAJUK TAWARAN	YURAN TAWARAN
Q.JDT/25/2023	<b>SEBUTHARGA BAGI REPAIRWORKS TO TOILET AT BANGUNAN JABATAN-JABATAN KERAJAAN KAMPONG BUKIT BENDERA, TUTONG TA1341, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM</b>	\$5.00

**SYARAT-SYARAT TAWARAN:**

1. Tawaran-tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.
2. Tawaran tersebut di atas hendaklah dimasukkan ke **Peti Sebutharga, Tingkat 4, Jabatan Daerah Tutong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri** dan dikembalikan tidak lewat pada **HARI SELASA, 12 SEPTEMBER 2023 JAM 2.00 PETANG.**
3. Tawaran hendaklah dihantar ke alamat tersebut di bawah dalam sampul surat yang tertutup (sealed) yang bertulis bilangan dan tajuk tawaran berkenaan dan tarikh tutup tawaran tanpa menunjukkan identiti pemberang kepada:

**PENGERUSI  
JAWATANKUASA SEBUTHARGA  
JABATAN DAERAH TUTONG  
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI  
TUTONG TA1141  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

4. Pemberang hendaklah terlebih dahulu untuk membaca, memahami dan meneliti kesemua kandungan di dalam Borang Dokumen Tawaran dan Spesifikasi Teknikal serta mengisi semua ruang-ruang yang diperlukan dengan **LENGKAP** dan **TERATUR**. Sebarang kesilapan dan kerugian disebabkan salah tafsir harga tidak akan dilayan selepas tawaran telah dibuka.
5. Pemberang mestilah menyertakan salinan-salinan Sijil Pendaftaran Akta Nama-Nama Perniagaan (Certificate of Registration – Business Names Act) Bab 16 & 17, Sijil-Sijil Pendaftaran Kelas Kategori dari Kementerian Pembangunan, Lesen Rampaian (jika berkenaan), Sijil Pematuhan Akta Cukai daripada Bahagian Hasil Kementerian Kewangan dan Ekonomi Senarai Pemilik, Kad Pengenalan pemilik syarikat bagi Warganegara Brunei dan/atau passport Warganegara Asing, Pengesahan pematuhan Akta Amanah Pekerja dan Perintah Pencen Caruman Tambahan 2009 dari Tabung Amanah Pekerja dengan menyatakan nombor Akaun Majikan dan senarai pekerja yang dicarumkan, Pengetahuan/Pengalaman syarikat dan lain-lain keterangan yang berkaitan.
6. Mengisi Borang Pengakuan Penender/Tenderer's Declaration dengan LENGKAP.
7. Dokumen-dokumen terperinci tawaran serta penerangan lanjut boleh diperolehi setelah **bayaran secara online Yuran Tawaran (Document Fee)** berjumlah **\$5.00 (tidak dikembalikan/non-refundable)** dibuat di **Bahagian Kewangan dan Stor, Tingkat 2, Jabatan Daerah Tutong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Tutong TA1141, Brunei Darussalam** pada setiap hari bekerja sahaja iaitu:

<b>ISNIN HINGGA KHAMIS</b>	<b>8.00 Pagи hingga 12 Tengah Hari dan 1.30 Petang hingga 3.00 Petang</b>
<b>SABTU</b>	<b>8.00 Pagи hingga 12 Tengah Hari dan 1.30 Petang hingga 3.00 Petang</b>

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.
9. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan borang-borang tawaran yang telah disediakan.
10. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

## **SYARAT-SYARAT LAIN**

- Pemborong hendaklah terlebih dahulu untuk membaca, memahami dan meneliti semua isi kandungan di dalam Dokumen Tawaran ini.
- Pemborong hendaklah memastikan jumlah yang dinyatakan adalah tepat dan sebarang kesilapan dan kerugian disebabkan salah tafsir harga tidak akan dilayan selepas tawaran telah dibuka.
- Pemborong hendaklah memastikan jumlah yang dinyatakan di dalam Borang Spesifikasi Tawaran adalah selaras dengan jumlah yang dinyatakan di Borang Pengakuan Syarikat.
- Pemborong hendaklah memastikan jumlah dalam perkataan adalah sama dengan harga tawaran dalam angka. **Jika tidak sama, tawaran dianggap tidak sah.**
- Pemborong hendaklah mengambil maklum bahawa sekiranya pemborong yang berjaya mendapat tawaran mempunyai hutang dengan Kerajaan, maka pemborong berkenaan hendaklah bersetuju bagi hutang-hutang berkenaan dibayar kepada Kerajaan melalui potongan bayaran perkhidmatan atau perbekalan yang ditawarkan.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.